

MAKLUMBALAS PENTADBIR TERHADAP KEMAHIRAN KERJA KELAS PERTAMA GRADUAN KELUARAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS PEREMPUAN MELAYU (IPGK PM)

Dr. Fatimah binti Mustaffa, Dr. Zaiton binti Sharif & Dr Salinah binti Pit
Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu Melaka
E-mel: fatimah@ipgm.edu.my

ABSTRAK

Kemahiran minda kelas pertama graduan IPGK PM amat berkait rapat dengan latihan. Usaha kearah memartabatkan kemahiran minda kelas pertama graduan ini merupakan usaha berterusan melalui kesungguhan latihan perguruan, komitmen terhadap latihan guru dan penambahbaikan yang berpanjangan. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti maklumbalas pentadbir sekolah terhadap kemahiran minda kelas pertama graduan keluaran IPGK PM. Responden kajian melibatkan 85 pentadbir sekolah yang terlibat secara langsung dengan penempatan graduan. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dan menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif. Data yang diperolehi daripada soal selidik ini dianalisis secara deskriptif bagi mengukur min, sisihan piawai dan mendapatkan interpretasi skor min. Dapatan kajian mendapati bahawa maklumbalas pentadbir terhadap kemahiran minda kelas pertama graduan IPGK PM berada pada tahap yang tinggi (Min= 4.34 dan SP=0.61). Dicapai supaya kemahiran minda kelas pertama graduan IPGK PM ditingkatkan dengan bimbingan berterusan daripada guru-guru yang berpengalaman dari semasa ke semasa.

Kata Kunci: Minda kelas pertama, graduan, pentadbir dan latihan guru

ABSTRACT

The first-class mentality of IPGK PM graduates is closely related to training. Efforts towards honoring the first-class mentality of these graduates is a continuous effort through the seriousness of teacher training, commitment to teacher training and long-term improvement. This study was conducted to identify the responses of school administrators to the first-class mentality of IPGK PM graduates. The study respondents involved 85 school administrators who were directly involved in the placement of graduates. This study used a questionnaire as a research instrument and used quantitative research methods. The data obtained from this questionnaire was analyzed descriptively to measure the mean, standard deviation and obtain an interpretation of the mean score. The findings of the study found that the administrator's response to the first-class mentality of IPGK PM graduate was at a high level (Mean= 4.34 and SP=0.61). It is recommended that the first-class mentality of IPGK PM graduates to be improved with continuous guidance from experienced teachers from time to time.

Keywords: First class mentality, graduates, administrators and teacher training

PENGENALAN

Graduan guru yang kompeten dan berupaya menyampaikan pengajaran dan pembelajaran (PnP) dengan baik adalah salah satu sumber yang paling utama dalam sesebuah institusi pendidikan. Seorang guru berkemahiran minda kelas pertama bertanggungjawab sebagai seorang agen profesional serta berperanan untuk membantu pelajar mendapat manfaat dari proses PnP yang disampaikan (Saad et.al, 2022). Ini menunjukkan peranan penting yang dimainkan oleh guru berkemahiran minda kelas pertama dalam dunia pendidikan. Guru yang bagus akan menjadi aset yang penting bagi menjayakan proses PnP dalam membangunkan modal insan berilmu serta bermutu tinggi ke arah penghasilan impak yang besar.

Pembentukan minda kelas pertama merupakan teras kedua misi nasional antaranya memastikan kualiti, tahap intelektual dan etika serta moral insan. Apabila ciri-ciri ini dikaitkan dengan bidang pendidikan dan kerjaya perguruan, ini menunjukkan seorang guru perlulah mengikut standard etika dan teknikal yang terdapat dalam bidang perguruan. Bagi seorang guru di Malaysia, Standard Guru Malaysia menjadi sandaran utama bagi mencapai minda kelas pertama yang diperlukan dalam bidang perguruan (Hasnah, 2021). Ini bertepatan dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi melahirkan golongan modal insan guru minda kelas pertama yang kekal berkualiti di sepanjang tempoh perkhidmatan bagi memacukan rantaian ekonomi bernilai tinggi berpaksikan pengetahuan dan teknologi.

Senario pendidikan semakin berubah hari demi hari. Bagi memenuhi tuntutan perubahan ini, institusi dan individu yang terlibat dengan dunia pendidikan perlu memahami kedudukan dan peranan sesebuah institusi pendidikan, cakna dengan keadaan semasa dan bersedia untuk menjadi sebahagian daripada perubahan dan kemajuan dalam dunia pendidikan

(Ai Resnawati et. al, 2020). Warga pendidik berkemahiran berminda kelas pertama memerlukan pembangunan berterusan melalui latihan, pendidikan, kursus dan pengalaman mengajar (Turmini et.al, 2020) akan dapat menghasilkan impak yang besar. Seterusnya guru berkemahiran minda kelas pertama perlu konsisten dengan perkembangan semasa dalam dunia pendidikan. Oleh itu program latihan guru yang dilalui oleh graduan sebelum menjadi guru merupakan keperluan bagi menjamin kualiti guru berkemahiran minda kelas pertama.

Program latihan guru membentuk graduan berkemahiran minda kelas pertama menjadi kompeten. Antara ciri yang dipupuk adalah keupayaan dalam penyelesaian masalah, komunikasi, pengurusan maklumat, pembelajaran sepanjang hayat serta boleh memanfaatkan pengalaman diperolehi dalam kehidupan sebagai graduan terlatih. Justeru itu program latihan guru ini dilihat sebagai komponen utama dalam sebuah program latihan dan pengajian pendidikan.

Melalui program pengajian ditawarkan di IPGK PM, menyediakan latihan jangka masa panjang empat tahun yang dilalui bakal graduan bagi program ijazah sarjanamuda perguruan. Sepanjang tempoh tersebut bakal graduan diberikan pendedahan keperluan tugas sebagai guru serta kemahiran minda kelas pertama. Maklum balas perlu bagi menilai program latihan graduan. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti maklumbalas pentadbir sekolah terhadap kemahiran kerja kelas pertama graduan keluaran IPGK PM dari aspek:

- i. penyelesaian masalah
- ii. komunikasi
- iii. pengurusan maklumat
- iv. pembelajaran sepanjang hayat

Seterusnya kajian ini juga mengenalpasti kemahiran minda kelas pertama dominan. Definisi tugas kerja pertama ditakrifkan sebagai amalan terbaik dan terpuji yang melebihi daripada kebiasaan. budaya kerja kelas pertama ini akan dicerminkan oleh kualiti dan kecemerlangan perkhidmatan yang diberikan

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti maklumbalas pentadbir terhadap kemahiran minda kelas pertama graduan IPGK PM.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini adalah

1. Apakah maklumbalas pentadbir terhadap kemahiran minda kelas pertama graduan IPGKPM
2. Apakah kemahiran minda kelas pertama yang dominan.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian lepas mendapati bahawa pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperolehi melalui program latihan perguruan mempunyai pengaruh yang sedikit terhadap kemahiran minda kelas pertama guru novis termasuk graduan baharu. Bakal graduan dalam latihan perlu memanfaatkan segala pengetahuan dan kemahiran termasuk kemahiran minda kelas pertama serta mengaplikasikan dalam kerjaya perguruan sebenar (Jamali, 1993). Kegagalan graduan mempamerkan kompeten kemahiran minda kelas pertama, antara penyebab pentadbir sekolah selalu memandang rendah graduan baru serta menganggap latihan perguruan tidak memenuhi dan menepati kehendak sekolah (Nur Farah & Faridah, 2021). Oleh itu kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti maklumbalas pentadbir sekolah terhadap kemahiran kerja kelas pertama graduan keluaran IPGK PM.

KAJIAN LITERATUR

Gourav (2016) and Ciptro (2011) berpendapat sekolah menyediakan sistem mentor dalam program induksi bagi graduan baru, Gourav (2016) menyatakan program induksi merupakan pembelajaran sepanjang hayat graduan baru di sekolah. Program induksi ini dapat membantu, membimbing graduan baru dalam memulakan kerjaya dalam perguruan bagi memantapkan lagi kemahiran minda kelas pertama melalui pembelajaran sepanjang hayat.

Menyelesaikan persoalan (masalah) adalah satu ketrampilan pengurusan yang utama. Guru novis tidak dapat menyelesaikan pekerjaan secara berkaedah dan menjimatkan dan sering menghadapi kesulitan memimpin mesyuarat, menentukan sasaran, menangani maklumat, merancang dan menilai. Oleh sebab permasalahan tidak diselesaikan dengan cepat, dan tegas, permasalahan tersebut akan bertambah (semakin kusut) serta mengganggu jiwa dan tindakan guru novis, yang terhambat oleh kemampuan yang tidak memadai untuk menyelesaikan masalah terutama dalam pengajaran dan pembelajaran.

Antara ciri-ciri yang diperlukan graduan guru minda kelas pertama merupakan pemimpin yang unggul perlu menguasai kemahiran komunikasi persuasif yang bertujuan mempengaruhi pemikiran. Penggunaan komunikasi persuasif bagi mewujudkan inisiatif dalam individu yang mengikut dan juga memberikan nilai kepada sesuatu revolusi pemikiran (Mohd Adib, 2021). Contohnya revolusi penerimaan teknologi dalam kehidupan seharian. Walaupun budaya tradisional hendak dikekalkan, kedatangan teknologi memberi minat serta peluang perubahan kepercayaan daripada konvensional kepada modernistik dalam pengajaran dan pembelajaran.

Graduan guru minda kelas pertama perlu kuasai kemahiran pengurusan maklumat dari pelbagai sumber atau aplikasi maklumat perlu bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran. Ini membolehkan maklumat sentiasa tersedia pada bila-bila masa diperlukan serta memudahkan bagi membuat perancangan pembelajaran dan pengajaran dari semasa ke semasa

(Indeed, 2023). Antara aplikasi sistem maklumat boleh diguna oleh graduan guru ialah sistem maklumat perpustakaan. Selain itu Sistem maklumat pengurusan merupakan sebuah sistem yang diaplikasikan untuk meningkatkan kecekapan pelbagai aktiviti tugas dalam pengurusan dan pentadbiran sesebuah organisasi termasuk pengurusan pengajaran dan pembelajaran (Turmini et. al,2020).

Sistem Maklumat Pengurusan diperlukan untuk memenuhi keperluan para pengurus dalam membuat keputusan yang sesuai dan tepat terutama dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran Soft skills AHA, 2023. Pentadbir sekolah bertanggungjawab dan berperanan dalam memastikan guru sentiasa mengamalkan minda kelas pertama kearah pencapaian melahirkan modal insan minda kelas pertama yang berkompotensi tinggi secara seimbang dan menyeluruh selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan wawasan negara. Saad et.al., 2022 menjelaskan kualiti kepimpinan pentadbir mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kualiti kerja guru minda kelas pertama dan kejayaan sesebuah sekolah.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan. Kajian tinjauan jenis ini dilakukan dengan mengumpul data daripada sampel yang dapat mewakili populasi pada satu-satu masa tertentu (Cresswell, 2012). Data yang dikumpul adalah berbentuk data kuantitatif dengan menggunakan soal selidik yang diedarkan secara dalam talian. Soal selidik dibina dengan menggunakan tiga pendekatan iaitu aneka pilihan, skala Likert lima (5) mata, dan soalan subjektif terbuka. Soal selidik dibina dengan menggunakan ayat yang pendek, ringkas, mudah difahami, tidak mengelirukan dan dibina bertujuan untuk mewakili dengan tepat konsep yang ingin diukur (Chua Yan Piaw, 2014).

Dalam kajian ini, soal selidik yang digunakan diuji kesahan melalui kesahan kandungan dengan merujuk empat (4) orang yang pakar. Segala komen dan teguran yang diterima daripada pakar-pakar ini diambil kira dan diguna pakai bagi memantapkan lagi maksud, bahasa dan kandungan soal selidik yang digunakan.

Kebolehpercayaan instrumen kajian merujuk kepada kestabilan dan ketekalan dalaman soal selidik (Cresswell, 2012). Kebolehpercayaan kajian adalah penting kerana ralat pengukuran dapat dikurangkan dan hubungan antara item atau pembolehubah dapat diukur dengan tepat. Bagi mengukur ketekalan dalaman sesuatu konstruk, nilai Cronbach Alpha sering kali dirujuk (Cronbach & Shavelson, 2004). Sehubungan itu, dalam kajian rintis, data-data telah dikumpulkan dan diukur tahap kebolehpercayaannya menggunakan Ujian Statistik Cronbach Alpha dalam perisian IBM SPSS. Pallant (2013) menyatakan nilai Cronbach Alfa yang melebihi 0.60 sering kali digunakan dalam mengukur indeks kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian. Jadual 1 menunjukkan nilai Alpha (α) bagi ujian kebolehpercayaan bagi item mengikut pecahan konstruk.

Jadual 1: Kebolehpercayaan Instrumen SSKP

KONSTRUK	ITEM	BILANGAN ITEM	NILAI ALPHA
Penyelesaian Masalah	C1(a)-C1(e)	5	$\alpha = .875$
Komunikasi	C2(a)-C2(i)	9	$\alpha = .848$
Pengurusan Maklumat	C3(a)-C3(e)	5	$\alpha = .802$
Pembelajaran Sepanjang Hayat	C4(a)-C4(e)	5	$\alpha = .826$

Kebolehpercayaan instrumen kajian merujuk kepada kestabilan dan ketekalan dalaman soal selidik (Cresswell, 2012). Kebolehpercayaan kajian adalah penting kerana ralat pengukuran dapat dikurangkan dan hubungan antara item atau pembolehubah dapat diukur dengan tepat. Pallant (2013) menyatakan nilai Cronbach Alfa yang melebihi 0.60 sering kali digunakan dalam mengukur indeks kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian. Jadual 1 menunjukkan nilai kebolehpercayaan alpha (α) adalah tinggi iaitu antara 0.802 hingga 0.875. Ini bermaksud semua item menepati nilai minimum melebihi 0.60 iaitu pada tahap boleh diterima (*acceptable reliability*).

Jadual 2: Interpretasi skor min (Jamil Ahmad, 2002)

SKOR MIN	INTERPRETASI
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Data kuantitatif bagi item skala likert yang telah dapat dikumpulkan, dijana untuk diproses dan dianalisis untuk menghasilkan dapatan statistik deskriptif iaitu nilai peratusan, kekerapan, min dan sisihan piawai. Bagi analisis tahap pengukuran, skor min diukur berdasarkan Jadual 4 pengukuran skor min dan interpretasi oleh Jamil Ahmad (2002). Jadual ini berdasarkan kepada tiga tahap pengukuran skor min. Interpretasi skor min tersebut digunakan untuk menentukan tahap kepuasan berdasarkan penilaian pentadbir ke atas graduan keluaran IPGK PM.

ANALISIS DATA

Maklumat pentadbir, jadual 3 menunjukkan jawatan pentadbir.

Jadual 3: Bilangan Pentadbir

JAWATAN PENILAI	BIL	PERATUS
Guru Besar	55	64.7
Penolong Kanan	21	24.7
Ketua Panitia	2	2.4
JUMLAH	85	

Berdasarkan jadual 3, dapatan kajian menunjukkan bahawa bilangan pentadbir terlibat adalah seramai 55 guru besar (64.7%) , 21 penolong kanan (24.7%) dan 2 ketua panitia (2.4%).

i. Mengenalpasti maklumbalas pentadbir terhadap kemahiran minda kelas pertama graduan

Bahagian ini menghuraikan dapatan bagi objektif kajian pertama iaitu mengenalpasti maklumbalas pentadbir terhadap kemahiran minda kelas pertama graduan keluaran IPGK PM berdasarkan empat (4) aspek utama iaitu penyelesaian masalah, komunikasi, pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat.

Secara keseluruhan tahap maklumbalas pentadbir bagi kesemua kontrak adalah tinggi. Dapatan menunjukkan skor min keseluruhan bagi keempat-empat aspek adalah 4.41 dan sisihan piawai bersamaan 0.60 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.

Penyelesaian Masalah

Aspek pertama yang dinilai dalam kemahiran minda kelas pertama adalah penyelesaian masalah. Dapatan maklumbalas pentadbir seperti ditunjukkan dalam jadual 4.

Jadual 4: Konstruk Penyelesaian Masalah

BIL	SEMASA PDPC GRADUAN IPGK PM	MIN	S.P	TAHAP
BOLEH.....				
a	mengenal pasti punca berlakunya sesuatu masalah	3.96	0.66	Tinggi
b	menghadapi masalah dengan tenang	4.05	0.66	Tinggi
c	menyelesaikan masalah secara profesional	3.99	0.70	Tinggi
d	merancang strategi penyelesaian masalah	3.93	0.66	Tinggi
e	menyelesaikan masalah dengan segera	4.00	0.70	Tinggi
KESELURUHAN		4.34	0.61	Tinggi

Berdasarkan jadual 4, dapatan menunjukkan tahap kepuasaan bagi semua item aspek penyelesaian masalah adalah tinggi. Item kedua iaitu menghadapi masalah dengan tenang telah memperoleh min kepuasaan tertinggi (min 4.05 dan S.P 0.66) manakala item yang mempunyai min kepuasaan terendah adalah item keempat iaitu merancang strategi penyelesaian masalah (min 3.93 dan S.P 0.66).

Komunikasi

Aspek kedua yang dinilai dalam kemahiran minda kelas pertama adalah komunikasi. Dapatan maklumbalas pentadbir seperti ditunjukkan dalam jadual 5.

Jadual 5: Konstruk Komunikasi

BIL	SEMASA PDPC GRADUAN IPGK PM BOLEH.....	MIN	S.P	TAHAP
a	menyampaikan idea dengan jelas dan mudah difahami	4.13	0.65	Tinggi
b	menghormati warga sekolah dari pelbagai latar belakang	4.41	0.54	Tinggi
c	bertoleransi semasa berkomunikasi dengan warga sekolah	4.44	0.52	Tinggi
d	menyampaikan pandangan secara jelas melalui penulisan	3.91	0.67	Tinggi
e	memahami makna tersirat dalam komunikasi	3.98	0.68	Tinggi
f	menyampaikan idea secara dalam talian dengan menggunakan pelantar digital yang sesuai.	3.97	0.73	Tinggi
g	berkomunikasi secara beretika	4.40	0.56	Tinggi
h	berfikiran terbuka dengan pelbagai pandangan	4.29	0.62	Tinggi
i	memimpin perbincangan dalam kumpulan	3.84	0.71	Tinggi
KESELURUHAN		4.52	0.54	Tinggi

Berdasarkan jadual 5, dapatan menunjukkan tahap kepuasa bagi semua item aspek komunikasi adalah tinggi. Item ketiga iaitu bertoleransi semasa berkomunikasi dengan warga sekolah telah memperoleh min kepuasa tertinggi (min 4.44 dan S.P 0.52) manakala item yang mempunyai min kepuasa terendah adalah item kesembilan iaitu memimpin perbincangan dalam kumpulan (min 3.84 dan S.P 0.71).

Pengurusan Maklumat

Aspek ketiga yang dinilai dalam kemahiran minda kelas pertama adalah pengurusan maklumat. Dapatan maklumbalas pentadbir seperti ditunjukkan dalam jadual 6.

Jadual 6: Konstruk Pengurusan Maklumat

BIL.	SEMASA PDPC GRADUAN IPGK PM BOLEH.....	MIN	S.P	TAHAP
a	mengenal pasti maklumat dari pelbagai sumber	4.21	0.63	Tinggi
b	mendapatkan maklumat dari sumber sahih	4.19	0.65	Tinggi
c	merumuskan maklumat dalam bentuk yang mudah difahami	4.06	0.61	Tinggi
d	mempersembahkan maklumat secara inovatif.	3.87	0.73	Tinggi
e	menganalisis data untuk mempersembahkan maklumat	3.89	0.69	Tinggi
KESELURUHAN		4.41	0.59	Tinggi

Berdasarkan jadual 6, dapatan menunjukkan tahap kepuasa bagi semua item aspek pengurusan maklumat adalah tinggi. Item pertama iaitu mengenal pasti maklumat dari pelbagai sumber telah memperoleh min kepuasa tertinggi (min 4.21 dan S.P 0.63) manakala item yang

mempunyai min kepuasa terendah adalah item keempat iaitu mempersembahkan maklumat secara inovatif (min 3.87 dan S.P 0.73).

Pembelajaran Sepanjang Hayat

Aspek keempat yang dinilai dalam kemahiran minda kelas pertama adalah pembelajaran sepanjang hayat. Dapatan maklumbalas pentadbir seperti ditunjukkan dalam jadual 7.

Jadual 7: Konstruk Pembelajaran Sepanjang Hayat

BIL.	SEMASA PDPC GRADUAN IPGK PM BOLEH.....	MIN	S.P	TAHAP
a	berkongsi ilmu yang melibatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai dengan rakan guru	4.05	0.71	Tinggi
b	meningkatkan kompetensi sendiri dengan menghadiri program pembangunan profesionalisme	4.13	0.70	Tinggi
c	menghadiri program pembangunan kompetensi secara sukarela	4.02	0.74	Tinggi
d	meluaskan kemahiran profesional melalui kerjasama dengan pelbagai pihak	3.75	0.66	Tinggi
e	memperolehi pelbagai kemahiran baharu melalui pelbagai sumber	4.02	0.71	Tinggi
KESELURUHAN		4.35	0.65	Tinggi

Berdasarkan jadual 7, dapatan menunjukkan tahap kepuasa bagi semua item aspek penyelesaian masalah adalah tinggi. Item kedua iaitu menghadapi masalah dengan tenang telah memperoleh min kepuasa tertinggi (min 4.05 dan S.P 0.66) manakala item yang mempunyai min kepuasa terendah adalah item keempat iaitu merancang strategi penyelesaian masalah (min 3.93 dan S.P 0.66).

ii. Mengenal pasti kemahiran minda kelas pertama yang dominan.

Bahagian ini menghuraikan dapatan bagi objektif kajian kedua iaitu mengenalpasti kemahiran minda kelas pertama yang dominan. Dapatan maklumbalas pentadbir seperti ditunjukkan dalam jadual 8

Jadual 8: Konstruk minda kelas pertama yang dominan

BIL.	KEMAHIRAN MINDA KELAS PERTAMA	MIN	S.P	TAHAP
a	Komunikasi	4.52	0.54	Tinggi
b	Pengurusan Maklumat	4.41	0.59	Tinggi
c	Pembelajaran Sepanjang Hayat	4.35	0.65	Tinggi
d	Penyelesaian Masalah	4.34	0.61	Tinggi
KESELURUHAN		4.41	0.60	Tinggi

Berdasarkan jadual 8, dapatan menunjukkan tahap kepuasaannya bagi semua item Konstruk minda kelas pertama adalah tinggi. Konstruk komunikasi telah memperoleh min kepuasaannya tertinggi (min 4.52 dan S.P 0.54) manakala konstruk yang mempunyai min kepuasaannya terendah adalah penyelesaian masalah (min 4.34 dan S.P 0.61). Konstruk minda kelas pertama dominan adalah Komunikasi, Pengurusan Maklumat, Pembelajaran sepanjang hayat dan Penyelesaian Masalah.

PERBINCANGAN

Kualiti graduan IPGK PM dari aspek penyelesaian masalah amat memuaskan apabila didapati aspek ini mencapai nilai peratus yang tinggi pada tahap yang tinggi. Hal ini kerana berdasarkan kepada respons yang diterima daripada pentadbir, didapati graduan sering merujuk kepada pentadbir bagi menyelesaikan masalah. Dapatan ini selari Rahmat et al. (2016) Aspek penyelesaian masalah merupakan kemahiran yang amat diperlukan oleh pihak pentadbir dan perlu dikuasai graduan serta perlu diberi penekanan terhadap penerapannya di institusi-institusi pengajian tinggi. Walau bagaimanapun, graduan perlu bersikap terbuka dalam menerima teguran, tunjuk ajar, bimbingan serta cadangan.

Kualiti graduan IPGK PM dari aspek komunikasi juga amat memuaskan apabila didapati aspek ini mencapai nilai peratus yang tinggi pada tahap yang tinggi. Dapatan ini selari Hasnah (2021) dan Rahmat et al. (2016) Aspek komunikasi merupakan kemahiran yang amat diperlukan oleh pihak pentadbir dan perlu dikuasai graduan serta perlu diberi penekanan terhadap penerapannya di institusimpengurusan. Respons yang diberikan oleh pentadbir mendapati graduan IPGK PM sangat positif dari segi tingkah laku dan sikap dalam berkomunikasi. Respons juga mendapati guru baharu berupaya untuk berkomunikasi dengan berkesan terhadap murid dan warga sekolah. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir graduan IPGK PM yang masih mempunyai kelemahan dari aspek komunikasi. Sebagai contohnya kurang etika dalam berkomunikasi dengan pentadbir dan susah menerima teguran berkaitan peraturan. Terdapat juga komen pentadbir yang mencadangkan agar graduan IPGK PM perlu perbaiki lengkok bahasa dengan lebih sopan. Adalah dicadangkan agar latihan berkaitan dengan komunikasi berkesan harus diberikan kepada graduan IPGK PM.

Tahap kepuasaannya bagi semua item aspek Pengurusan Maklumat adalah tinggi dan dapatan ini menunjukkan kualiti graduan IPGK PM dari aspek ini menurut pentadbir adalah sangat memuaskan. Dapatan ini selari Rahmat et al. (2016) dan Zakaria (2006) Aspek Pengurusan Maklumat merupakan kemahiran yang amat diperlukan oleh pihak pentadbir dan perlu dikuasai graduan serta perlu diberi penekanan terhadap penerapannya di institusi-institusi pengajian tinggi termasuk institut perguruan. Menurut pentadbir, graduan IPGK PM mempunyai kemahiran yang baik dalam aspek pengurusan maklumat. Selain itu, graduan IPGK PM berkemahiran dalam teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengurusan maklumat. Perkara tersebut merupakan antara kekuatan graduan IPGK PM dalam aspek ini. Walau bagaimanapun, masih terdapat kelemahan graduan IPGK PM dalam pengendalian maklumat sebagai contohnya kurang mahir dalam pembacaan data. Oleh itu, graduan IPGK PM perlu

sentiasa meningkatkan kemahiran dalam pengurusan maklumat dan bimbingan dari semasa ke semasa harus diberikan.

Kualiti graduan IPGK PM dari aspek pembelajaran sepanjang hayat turut didapati amat memuaskan apabila tahap kepuasan pentadbir terhadap kualiti graduan IPGK PM pada tahap yang tinggi. Dapatan ini selari Amini (2014) dan Zakaria (2006) Aspek pembelajaran sepanjang hayat merupakan kemahiran yang amat diperlukan oleh pihak pentadbir dan perlu dikuasai graduan serta perlu diberi penekanan terhadap penerapannya di institusi pendidikan guru. Melalui respons yang diberikan oleh pentadbir, graduan IPGK PM didapati berusaha untuk mempertingkatkan kualiti diri dengan ilmu pengetahuan dan bersikap positif untuk memajukan diri. Walau bagaimanapun graduan IPGK PM perlu diberi dorongan dan bimbingan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan diri kerana masih terdapat kelemahan dari aspek kesediaan dan keinginan untuk menimba ilmu dan meningkatkan diri serta pelibatan diri dalam program peningkatan profesionalisme.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Majoriti pentadbir berpuas hati dengan prestasi graduan lulusan IPGK PM setelah satu (1) tahun atau 12 bulan berkhidmat di sekolah. Antara respons positif yang diterima daripada pentadbir sebab mengapa pentadbir berpuashati dengan graduan IPGK PM adalah graduan sentiasa menunjukkan kemahiran minda kelas pertama yang dominan iaitu kemahiran komunikasi, pengurusan maklumat, pembelajaran sepanjang hayat dan penyelesaian masalah. Graduan juga bersedia menjalankan tugas yang diarahkan, rajin dan tahu mengadaptasi dan menyesuaikan diri dengan situasi semasa. Dicadangkan supaya kemahiran minda kelas pertama graduan IPGK PM di tingkatkan dengan bimbingan berterusan daripada guru-guru yang berpengalaman dari semasa ke semasa.

IPGK PM dan pusat berkaitan di IPGM disyorkan untuk menggunakan dapatan kajian ini untuk meningkatkan lagi kualiti kurikulum latihan perguruan dan IPGK PM disyorkan untuk menjalankan kajian lanjutan berdasarkan dapatan yang dilaporkan. Sebagai contohnya, kajian lanjutan untuk meneroka lebih mendalam apakah masalah yang dihadapi oleh graduan lulusan IPG PM kearah memartabatkan lagi kemahiran minda kelas pertama.

RUJUKAN

Amini Amir Abdullah, 2014. Modal Insan, Minda Kelas Pertama, Personaliti Unggul dan Persoalan Ilmu. In Islam Yang Dinamik (pp.131-159). Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Badrusham Dahalan. 2008. Guru mesti mampu imbangi kehendak masyarakat, tanggungjawab. Dalam. Pendidik. Bil. 51. Widad Publication Sdn. Bhd.

Chua, Y. P. 2014. Asas statistik penyelidikan buku 2: Asas statistik penyelidikan (Edisi Ketiga). Shah Alam Selangor: Mc Graw Hill Education.

Ciptro, H. 2011. Strategi pembelajaran sistem mentoring dalam usaha membangunkan karakter remaja di sekolah menengah atas. Conference: Seleksi Mahasiswa Berprestasi (Mawapres) Universitas Negeri Pahang (UNP)

Cresswell, J. 2012. Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Qualitative and Quantitative Research (4th ed.). Boston: Pearson Education Inc.

Cronbach, L.J. and Shavelson, R.J. (2004) My Current Thoughts on Coefficient Alpha and Successor Procedures. Educational and Psychological Measurement, 64, 391-418

Gourav, M. 2016. Educational Quest-An international Journal of Education and Applied Social Sciences 7(2):91. DOI:10.5958/2230-7311.2016.00024.6

Hasnah, H. 2021. Ingin Jadi Pelajar Minda Kelas Pertama? Kuasai Pengetahuan Am. EXPERTS. UMP News. 17 February 2021.

Indeed Editorial Team, 2023. 8 Benefit of Soft Skills Training and Types of Soft Skills. indeed.com

Jamil Ahmad 2002. Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru sekolah: satu penilaian. Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Adib Abd Muin, 2021. Program pelajar minda kelas pertama. Universiti Utara Malaysia.

Pallant, J. 2013. SPSS A step by step guide to data analysis using IBM SPSS Survival Manual (5th ed.). New York: Mc Graw Hill.

Rahmat, N., Ayub.A.R. dan Buntat, Y., (2016). Employability skills constructs as job performance predictors for Malaysian polytechnic graduates: A qualitative study. Journal Geografia 12(3). UKM.

Saad, Z.M., Khodzirah, A, Shahir, S., & Johana, J. (2022). Persepsi terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian semasa pandemik dalam kalangan pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Jurnal Pembangunan Sosial, 25. 191-216. <https://doi.org/10.32890/jps2022.25.9>

Soft Skills AHA, 2023. Importance of Soft Skills in Educations: Why Parents Should Demand Soft Skills Development in thier Childs School. Linkedin.Com.

Turmini et.al. 2020. The Influence of Education, Traning, and Experience towards Teacher's Professionalism. <http://www.eresearchjournal.com/wp-content/uploads/2020/04/10.-Turmini-et-al-2.pdf>.

Zakaria Ahmad. 2006. Strategi Membina Modal Insan Berminda Kelas Pertama dalam Perkhidmatan Awam.